KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

SYARIKAT-SYARIKAT MILIKAN AGENSI DI BAWAH KKDW MEREKODKAN PRESTASI MEMBANGGAKAN

Hari ini, saya mengadakan pertemuan dengan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan Agensi KKDW dalam Majlis Pemukiman Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Majlis pemukiman ini adalah susulan pertemuan pertama pada 5 Februari 2024 lalu bagi melihat pencapaian prestasi syarikat milikan Agensi KKDW untuk tempoh separuh tahun pertama 2024 dimana ia telah menunjukkan peningkatan dan memberi pulangan besar kepada Kerajaan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat khususnya masyarakat desa.

Saya telah terapkan budaya gerak kerja dan pemikiran yang berteraskan tiga (3) elemen penting iaitu *Profit centre thinking,* '*low cost, high profit'*, dan '*cost center to profit center' kepada semua* syarikat atau agensi di bawah KKDW supaya anjakan keberhasilan dapat direalisasikan.

Manakala, langkah proaktif, penetapan KPI dan hala tuju yang jelas serta pendekatan *Profit Centre Thinking* yang dilaksanakan telah menunjukkan beberapa keberhasilan apabila sebahagian besar syarikat-syarikat ini

menunjukkan prestasi yang cemerlang serta mencatatkan rekod keuntungan yang boleh dibanggakan.

Antara syarikat yang telah menunjukkan peningkatan pendapatan yang signifikan berbanding Jun tahun lalu seperti RISDA Estate Sdn Bhd yang telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM7.1 juta, Kolej RISDA Sdn Bhd RM1.26 juta, Sinergi Perdana Sdn Bhd RM6.3 juta, KETENGAH Holding RM8.66 juta, KETENGAH Perwira Sdn Bhd RM14 juta, PERDA Venture Incorporated RM2.7 juta dan banyak lagi.

Saya percaya, meskipun banyak anak-anak syarikat ini berupaya mencatatkan keuntungan yang membanggakan, ia tidak sesekali mengorbankan kepentingan awam, sebaliknya prestasi kewangan yang kukuh, membolehkan syarikat milikan agensi memenuhi keperluan dan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

25 Julai 2024
DESARU COAST CONVENTION CENTRE, JOHOR DARUL TA'ZIM

NOTA : YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri hadir ke Pemukiman Separuh Tahun Program Utama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Pemukiman Bersama Syarikat Milikan Agensi KKDW bagi memperhalusi pencapaian dan tahap gerak kerja separuh tahun bagi KKDW dan agensi di bawahnya.